

Headline	FRIM tubuh herbarium		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	10,11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1144 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,454



FRIM tubuh herbarium

Khazanah spesimen tumbuhan untuk tujuan penyelidikan

PENYELIDIKAN perhutanan di negara ini telah bermula sejak tahun 1879. Jabatan Perhutanan Persekutuan Tanah Melayu mula memainkan peranannya dengan terlantiknya seorang Pegawai Perhutanan dari Burma (kini Myanmar), A.M. Burn Murdoch.

Beliau dilantik oleh kerajaan Komanwel British pada tahun 1901 sebagai pegawai penyelidik pertama bagi Negeri-negeri Selat dan Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau merupakan pengasas aktiviti-aktiviti penyelidikan bagi tempoh 1901 hingga 1915.

Dalam tempoh perkhidmatan beliau, penyelidikan-penyalidikan yang dijalankan adalah lebih tertumpu kepada penyelidikan botani.

Pada tahun 1908, beliau telah menubuhkan herbarium di Institut Penyelidikan Perhutanan (*Forest Research Institute*).

Bermula tahun 1908, Jabatan Perhutanan telah mula menjalankan kutipan contoh-contoh tumbuhan (spesimen tumbuhan) seperti yang terdapat di herbarium Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kini.

Spesimen tumbuhan terawal didokumentasikan ialah pada tahun 1903.

Organisasi penyelidikan perhutanan ini lebih teratur selepas Dr. F.W. Foxworthy dilantik sebagai pegawai penyelidik dalam tahun 1918.

Dalam tahun 1925, satu usaha ke arah mewujudkan sebuah institut penyelidikan yang berasingan telah dijalankan.

Berikutan itu, pada tahun 1929, Institut Penyelidikan Perhutanan (IPP) telah dirasmikan apabila kemudahan bangunan siap untuk digunakan.

Kawasan seluas 600 hektar (ha) yang telah diperuntukkan ini turut mengandungi ladang-ladang percubaan, arboretum dan juga hutan asli.

Dalam tahun yang sama, makmal penyelidikan kayu telah didirikan di Sentul, Kuala Lumpur dan pada tahun 1952 dipindahkan ke Kepong, Selangor.

Bangunan utama yang dibina itu mengandungi muzium, herbarium, perpustakaan, makmal kutipan kayu dan beberapa pejabat cawangan penyelidikan yang lain.

Pada tahun 1989, jumlah contoh atau spesimen herbarium yang terdapat di Herbarium FRIM ialah sebanyak 130,000 yang terdiri daripada pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan. Kini jumlah spesimen yang telah direkodkan sehingga 26 Ogos lalu ialah sebanyak 216,824 spesimen.

Headline	FRIM tubuh herbarium		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	10,11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1144 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,454



RUMAH herbarium di FRIM Kepong yang menempatkan 216, 824 spesimen setakat ini.

Berfungsi sebagai rujukan

SECARA umumnya mandat herbarium ini adalah untuk mendokumentasi flora berkarya di Semenanjung Malaysia.

Bagaimanapun, dengan pengiktirafan KEP baru-baru ini sebagai Herbarium Kebangsaan Malaysia, mandat ini telah diperluaskan dengan menyertakan penyelidikan koleksi dan penyimpanan semua tumbuhan vaskular di negara ini.

Ini termasuk buluh dan rotan serta palma, kaum halia dan famili-famili herba yang lain (contohnya Gesneriaceae), orkid, pemanjat, paku-pakis dan likofit.

Sebagai sebuah herbarium kebangsaan, Herbarium Kepong bertindak untuk menjalankan fungsi sebagai sebuah pusat rujukan dan penyelidikan berkenaan tumbuhan vaskular serta menjalankan kajian botani asas dan untuk menyalurkan penemuan penyelidikan melalui penerbitan (contohnya flora, flora pokok, senarai semak dan sebagainya).

Herbarium tersebut juga menyediakan kemudahan bagi kajian dalam bidang-bidang sains yang berkaitan. Ini termasuk ekologi, silvikultur dan penilaian persekitaran serta membekalkan data dan maklumat bagi pengurusan, perancangan dan pemuliharaan hutan.

Selain itu, pusat berkenaan juga berfungsi sebagai pusat pembelajaran, terutamanya dalam Kursus Pengecaman Pokok Hutan serta Kursus Teknik dan Pengurusan Herbarium.

Antara fungsi-fungsi herbarium ialah bagi menyediakan kaedah-kaedah saintifik dalam mengkaji tumbuh-tumbuhan bagi mencapai matlamat-matlamat seperti berikut:



AHLI Kajitumbuhan (botanist) meneliti spesies tumbuhan melalui spesimen kering herbarium.

Info

Sistem-sistem susunan yang digunakan di herbarium KEP (FRIM) mengikut jenis tumbuh-tumbuhan ialah

Famili Angiosperm:
Kombinasi *Haston et al. (2007) dan **Heywood et al. (2007)

Famili Gymnosperm:
→ ***Mabberley (2008)

Ferns & Lycophtyes:
→ ****Smith et al. (2006) dengan sedikit ubahsuai oleh *****Parris (2010)

1 Mengkaji sumber-sumber tumbuh-tumbuhan di muka bumi untuk dijadikan bahan rujukan. Herbarium merupakan koleksi yang memaparkan kekayaan semula jadi negara dalam konteks tumbuh-tumbuhan.

2 Contoh-contoh tumbuhan disimpan sebagai maklumat mengenai tumbuh-tumbuhan yang jarang atau susah ditemui serta mempunyai nilai-nilai pertanian atau perubatan untuk dikenalpasti dan diselidiki.

Tiap-tiap contoh yang disimpan merupakan baucer rujukan yang mengandungi bukti nyata tentang kewujudan tumbuh-tumbuhan tersebut seperti dari mana asalnya, musim pembungaan/pembuahan, kegunaannya, habitat dan lain-lain maklumat.

3 Guru-guru, pegawai-pegawai pertanian, pengurus-pengurus estet, pegawai-pegawai penasihat boleh menggunakan contoh tumbuh-tumbuhan kering sebagai panduan bagi menerangkan kepada pelajar-pelajar dan petani-petani mengenai bahagian-bahagian tumbuhan sama ada berguna atau merbahaya sebagai tanaman atau penggunaan.



Info

Beberapa nama dan alamat herbarium lain:


→ **The Rijksherbarium,**
Schelpenkade 6,
Postbus 9514,
2300RA Leiden,
Belanda

→ **Arnold Arboretum,**
22 Divinity Avenue,
Cambridge,
Massachusetts, 02138,
Amerika Syarikat

→ **Herbarium Bogoriensis,**
Jalan Juanda 22-24,
Bogor, Indonesia.

→ **The Keeper of the Herbarium,**
Royal Botanic Gardens,
Kew, Richmond,
Surrey TW9 3AB,
England.

Headline	FRIM tubuh herbarium		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	10,11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1144 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,454




SPESIMEN herbarium yang telah dikeringkan dalam ketuhar dengan label spesimen yang sesuai untuk dilekapkan atas kertas herbarium bebas berasid.



PENGARAH Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM, Dr. Saw Leng Guan (kiri), sedang memberi penerangan kepada ahli-ahli panel penasihat teknikal, Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM semasa lawatan mereka di Herbarium Kebangsaan Kepong pada Jun 2012.

Headline	FRIM tubuh herbarium		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	10,11	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1144 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,454



KOTAK-kotak simpanan spesimen herbarium di FRIM Kepong.



SATU contoh tumbuhan yang berasal dari Taman Kinabalu Sabah.

